

# UMS, RHB Islamic Bank Berhad meterai MoU pemuliharaan ekosistem marin, kelestarian alam sekitar

UB 08.12.2023 P.06

Oleh Vvi Olivia Najurus

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) memeterai satu Memorandum Persefahaman (MoU) bersama RHB Islamic Bank Berhad bagi menjalin kolaboratif berkaitan aktiviti pemuliharaan ekosistem marin dan kelestarian alam sekitar.

IPMB dalam satu kenyataan memaklumkan, menerusi MoU ini kedua-dua pihak akan mengadakan kerjasama dalam program dan aktiviti yang berkaitan dengan promosi kesedaran serta pemuliharaan ekosistem marin dan kelestarian alam sekitar melalui dua projek utama iaitu Projek Nutri-Sea dan Ocean Harmony.

“Projek Nutri-Sea adalah inisiatif IPMB UMS dalam penyelidikan akuakultur, keterjaminan makanan laut dan kelestarian alam sekitar, manakala Ocean Harmony adalah sebahagian dari agenda ‘Pengantaraan Berasaskan Nilai’ oleh RHB Islamic di bawah ekosistem yang dinamakan RHB Harmony.”

“MoU ini tidak terhad kepada dua program utama sahaja, malah UMS dan RHB Bank Berhad juga berbesar hati untuk meneroka peluang dan berkolaboratif untuk kerjasama seterusnya ke arah matlamat pembangunan lestari,” katanya.

Majlis menandatangani MoU dilaksanakan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS, Prof. Dr. Rosalam Sarbatly mewakili Naib Canselor

UMS, Prof. Datuk Dr. Kasim Mansor bagi pihak UMS, sambil disaksikan oleh Ketua Bahagian Pengurusan Sumber Manusia UMS, Sirahim Abdullah.

RHB Islamic diwakili Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Adissadikin Ali, sambil disaksikan oleh Ketua Strategi dan Inovasi RHB Islamic Bank, Roshan Jaffar.

Turut hadir Penasihat Undang-Undang UMS, Awang Suhaizam Bungso; Ketua Pustakawan UMS, Md Sazali Md Salleh; Penolong Naib Canselor (Strategik) UMS, Prof. Dr. Mohammad Saffree Jeffree; Dekan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, Prof. Madya Dr. Mohd. Rahimie Abd. Karim dan Pengarah IPMB, Prof. Madya Dr. Ching Fui Fui @ Faihana Ching



MOU: Rosalam (dua kanan) dan Adissadikin (dua kiri) semasa menyempurnakan acara menandatangani MoU antara UMS dan RHB Islamic Bank Berhad.

Abdullah.

Sementara itu, Rosalam berkata, UMS antara universiti terbaik di Borneo komited untuk terus menawarkan maklumat, penye-

lidik berkepakaran tinggi, kemudahan fasiliti yang lengkap serta pelajar berdedikasi.

“Dengan kerjasama pihak penyelidik UMS

dan pakar dari RHB, kita menjangkakan hasil yang dapat memacu kemajuan teknologi, pengembangan ekonomi dan penyelesaian yang mampan terhadap

cabaran yang dihadapi oleh masyarakat hari ini terutamanya di Sabah,” katanya.

Dalam pada itu, Adissadikin dalam ucapannya berkata RHB turut menyokong usaha UMS dan menyangkal tanggapan bahawa pihak bank adalah institusi yang bersandarkan kepada keuntungan semata-mata.

“RHB Islamic amat peka terhadap perkembangan dari segi kelestarian dan mengadaptasikan Rangka Kerja Perbankan Mampan dalam operasi harian.

“Sebagai institusi perbankan yang bertanggungjawab, RHB juga memberikan keutamaan dalam mewujudkan kesan positif kepada masyarakat dan alam sekitar semasa menjalankan perniagaan perbankan,” katanya.